

TEPAK SIRIH: KOMUNIKASI BUKAN LISAN DALAM ADAT PERKAHWINAN MELAYU

NORHUDA SALLEH
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Abstrak

Tepak sirih merupakan peralatan adat yang dominan dalam perlakuan adat masyarakat Melayu terutama dalam adat perkahwinan Melayu. Tepak sirih wujud dalam masyarakat pengamal makan sirih yang terletak dalam Kepulauan Melayu (Malay Archipelago) lebih 1000 tahun lalu. Makalah ini membincangkan peranan tepak sirih sebagai simbol komunikasi bukan lisan dalam adat perkahwinan Melayu khususnya dalam adat meminang dan bertunang. Pengumpulan data dilakukan menggunakan kaedah pemerhatian di lapangan. Lokasi kajian di Kampung Seri Kedah, Sungai Leman Sekinchan Selangor. Temu bual mendalam bersama mak andam iaitu orang yang terlibat dalam adat perkahwinan dilakukan pada tahun 2010. Analisa data menggunakan pendekatan semiotik kerana sirih yang digunakan dalam perlakuan adat dilihat sebagai satu kesatuan secara menyeluruh bukan terpisah. Pendekatan kajian teks ialah mengkaji sirih dan bahan sampingan yang digunakan serta tingkah laku semasa sesuatu acara dilaksanakan sebagai satu sistem tanda menyampaikan makna yang berkaitan. Hasil kajian mendapati tepak sirih bertekad benang emas digunakan dalam perlakuan adat meminang dan bertunang masyarakat Melayu. Tepak sirih sebagai simbol komunikasi bukan lisan membawa makna sebagai pembuka kata, persetujuan, penerimaan dan penolakan.

Kata kunci: *Tepak sirih; sirih; simbol; adat; komunikasi*

TEPAK SIRIH: NON-VERBAL COMMUNICATION IN MALAY MARRIAGE TRADITION

Abstract

Tepak Sirih, a Malay traditional container for storing betel leaves, is the dominant tool in the Malay society practice, especially in the Malay wedding customs. Tepak Sirih exists in communities practicing chewing betel leaves that can be found mainly in the Malay Archipelago for the past 1000 years ago. This paper discusses the role of Tepak Sirih as a symbol of non-verbal communication in the Malay wedding customs in particular during an engaging event. The data for this study was collected using field observations at a locality in Kampung Seri Kedah, Sungai Leman, Sekinchan, Selangor Darul Ehsan. In depth interviews with a Mak Andam, an expert in the Malay wedding customs was made in 2010. The data collected was analyzed using the semiotic approach since the use of betel leaves should represent the custom as a whole and not divided or in parts. The research approach is to study the role of betel leaves and all the ancillary materials used and its relationship in conveying a system of signs and meanings during an event. The study found that Tepak Sirih with embroidered (gold thread) is commonly used in the Malay engagement custom. Tepak Sirih is a symbol of non-verbal communication to start a conversation, as a statement to agree, to accept or to reject.

Keywords: *Tepak sirih; betel leaves; symbols; customs; communication*

PENGENALAN

Perkahwinan merupakan perkara penting dalam pembentukan keluarga yang kemudiannya membentuk sebuah masyarakat dalam sesebuah kampung, daerah, negeri dan seterusnya negara. Menurut Islam perkahwinan merupakan sunnatullah yang umum dan berlaku pada semua makhluk-Nya, baik pada manusia, haiwan mahupun tumbuh-tumbuhan. Ia adalah suatu cara yang dipilih oleh Allah swt sebagai jalan bagi makhluk-Nya untuk berkembang biak dan melestarikan hidupnya.

Linton (1976:173), seorang ahli sosiologi Barat mendefinisi perkahwinan sebagai :

“...marriage is Adat Perkahwinan socially recognized union between persons of opposite sex. Marriage and family are really distinct institutions and must be considered separately”.

Linton (1976) dalam kenyataan di atas menjelaskan bahawa perkahwinan adalah penyatuan antara dua manusia yang berlainan jantina. Berlandaskan pemahaman bahawa perkahwinan akan mewujudkan perhubungan yang mengikut peraturan suami-isteri ataupun ikatan fizikal, undang-undang moral di antara seorang lelaki dan seorang perempuan ke dalam pergaulan hidup yang sempurna yang akhirnya membentuk sebuah keluarga. Perkahwinan adalah sebagai undang-undang atau proses yang dikenali sebagai adat dalam masyarakat Melayu. Sebagaimana firman Allah swt dalam surah Al-Baqarah ayat 187 yang bermaksud “Mereka (isteri) itu pakaian kamu (suami) dan kamu pakaian mereka.

Menurut Tamar Djaja (1980:49), perkahwinan bagi manusia adalah salah satu aspek kehidupan iaitu untuk mendapatkan keturunan yang baik, untuk mencari ketenangan dan ketenteraman, untuk melepaskan keinginan syahwat, untuk membina dan membangun dunia.

Perkahwinan pertama di muka bumi ini di kalangan manusia adalah antara Nabi Adam a.s bersama Hawa sebagaimana yang diakui oleh agama-agama wahyu. Perkahwinan ini berlaku dengan suatu cara perhubungan yang dibenarkan oleh Allah s.w.t kepada mereka berdua. Ia merupakan suatu sistem perkahwinan yang disyariatkan bagi membiakkan manusia untuk menjadi khalifah di bumi dan mendudukinya buat sementara waktu. Sebagaimana firman Allah s.w.t dalam Surah Al-Baqarah ayat 36:

فَازْلَهُمَا الشَّيْطَانُ عَنْهَا فَأَخْرَجَهُمَا مِمَّا كَانَا فِيهِ وَقَلْنَا اهْبِطُوا
بَعْضُكُمْ لِبَعْضٍ عَدُوٌّ وَلَكُمْ فِي الْأَرْضِ مُسْتَقَرٌّ وَمَتَاعٌ إِلَىٰ حِينٍ ﴿٣٦﴾

Setelah itu maka Syaitan menggelincirkan mereka berdua dari syurga itu dan menyebabkan mereka dikeluarkan dari nikmat yang mereka telah berada di dalamnya dan Kami berfirman: “Turunlah kamu! Sebahagian dari kamu menjadi musuh kepada sebahagian yang lain **dan bagi kamu semua disediakan tempat kediaman di bumi, serta mendapat kesenangan hingga ke suatu masa (mati)**”. (Al Qur’an - 2:36)

Diriwayatkan hadith dari ibnu Abbas (r.a) (berkata): ‘Sesungguhnya Rasulullah (s.a.w) berkhotbah kepada manusia ketika Haji Wada’ dgn bersabda:

“Ya aiyuhannasu inni qad taroktu fikum ma in ‘itasomtum bihi falan tadillu abadan, kitaballohi wa-sunnati nabiyi. ’- ‘Wahai manusia! Sesungguhnya sungguh-sungguh aku (Nabi) telah tinggalkan apa-apa (yg aku tinggalkan) sesungguhnya jika berpegang teguh kamu dgnnya (i.e. apa-apa yg aku tinggalkan), maka tidak akan sesat kamu sekalian selama-lamanya, (iaitu) Kitab Allah (s.w.t) (yakni, al-Quran) dan sunnah nabiNya.”

[Hadith al-Baihaqi di dalam Sunan Kibri]

Bagi masyarakat Melayu adat perkahwinan berfungsi sebagai panduan tingkah laku dalam melaksanakan upacara perkahwinan. Kriteria yang pertama adalah keutamaan kepada yang baik agamanya. Ini diukur kepada akidahnya dan bagaimana dia beramal dengan Islam. Adakah ia menjaga solatnya, akhlakunya, dan seumpamanya. Ini adalah berdasarkan hadis ini:

“Apabila orang yang kamu redha agama dan akhlakunya datang meminang, hendaklah kamu kahwinkannya. Sekiranya kamu tidak melakukannya nescaya akan timbul fitnah dan kerosakan di atas muka bumi.” (Hadis Riwayat at-Tirmizi dalam kitab nikah, (no. 1080) daripada Abu Hatim al-Munzi)

Selain itu, menurut imam Nawawi rahimahullah di dalam Syarah Sahih Muslim, beliau menyatakan tentang hadis ini bahawa:

“Adapun anjuran Nabi s.a.w. agar menikahi Usamah adalah kerana beliau mengetahui kadar agamanya, keutamaannya, keelokan perangai dan kemuliaannya. Maka Nabi menganjurkan agar menikah dengannya. Namun Fatimah tidak menyukainya kerana Usamah bekas budak dan warna kulitnya hitam. Maka Nabi s.a.w. terus menerus menganjurkannya agar menikah dengan Usamah. Kerana Rasulullah s.a.w. mengetahui kemaslahatannya bagi Fatimah. Dan ini terbukti.”

Oleh itu jelaslah kepada kita bahawa perkahwinan adalah satu tabii semulajadi sebagai satu keperluan dalam kehidupan manusia mahupun makhluk lain di dunia. Namun begitu setiap perkahwinan mempunyai peraturan, undang-undang dan adat tersendiri. Justeru, masyarakat Melayu menjadikan perkahwinan sebagai satu ikatan kekeluargaan di dunia dan di akhirat. Ikatan kekeluargaan itu pula adalah berlandaskan perkahwinan yang mengikut hukum syarak dan adat masyarakat Melayu. Hukum syarak dan adat menjadi asas utama dalam mencorakkan perkahwinan masyarakat Melayu. Proses menjalani perkahwinan, masyarakat Melayu amat menitikberatkan soal adat iaitu ketertiban peraturan daripada sebelum perkahwinan sehinggalah selesai. Ketertiban peraturan tersebut adalah tatacara komunikasi dalam masyarakat Melayu yang digunakan ketika proses perkahwinan itu berlangsung. Setiap perkara yang membabitkan adat dilakukan dengan tertib iaitu daripada mula hinggalah ke akhir sebagaimana yang terdapat dalam perbilangan adat Melayu, *“Berbilang dari Esa, mengaji dari alif”*.

Masyarakat Melayu banyak menggunakan pepatah petitih dalam menyampaikan maksud melalui komunikasi lisan. Ungkapan yang digunakan disusun indah sungguhpun untuk menyampaikan maksud yang kurang menyenangkan pendengar. Masyarakat Melayu mempraktikkan perkara ini dalam kehidupan seharian iaitu wujudnya komunikasi lisan dan diikuti dengan komunikasi bukan lisan untuk memperkukuh sesuatu penyampaian maklumat. Sebagai contoh jika bapa mertua ingin memberi nasihat kepada menantu, nasihat tersebut akan disampaikan kepada anak walaupun di dalam perbincangan tersebut menantu hadir sehingga keluar ungkapan *“pukul anak sindir menantu”*.

Komunikasi bukan lisan tidak kurang pentingnya dalam penyampaian maksud terutama menyentuh adat perkahwinan.

Komunikasi bukan lisan ialah dengan perantaraan lambang-lambang atau simbol tertentu seperti tepak sirih, keris, makanan, bunyian, bau-bauan. Menurut A.Hassan dkk (1972) komunikasi bukan lisan (material) boleh dipegang dan tidak boleh dipegang. Namun perlu diambil perhatian komunikasi lisan dan bukan lisan bergerak seiring semasa proses komunikasi berlangsung. Komunikasi bukan lisan sebagaimana menurut Knapp (2006) "*as encompassing almost all of human communication except the spoken or written word*". Tepak sirih sebagai objek komunikasi bukan lisan digunakan dalam komunikasi antara kedua pihak tanpa komunikasi lisan atau dengan komunikasi bukan lisan memberi maksud tertentu. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Matsumoto, G.Frank, & Hyi Sung Hwang (2011) fungsi komunikasi bukan lisan terdapat tiga iaitu menjelaskan (*define*), mengawal (*regulate*) dan pesanan itu sendiri (*be the message*). Komunikasi bukan lisan yang menggunakan simbol banyak sekali digunakan dalam adat perkahwinan masyarakat Melayu. Namun kajian ini hanya memberikan tumpuan kepada penggunaan tepak sirih sebagai simbol dalam komunikasi bukan lisan dalam adat meminang sahaja.

Adat ditakrifkan sebagai suatu bidang yang luas, meliputi cara hidup dan budaya dalam kegiatan sosial, ekonomi, politik dan kepercayaan beragama. Adat merupakan satu peraturan yang menjadi pegangan masyarakat tradisional dalam memurnikan kehidupan mereka. Adat tidak mempunyai satu dokumen yang tersusun untuk diikuti atau dipatuhi. Adat adalah sesuatu yang dipelajari dari generasi terdahulu dalam masyarakat. Ia diperturunkan melalui pengalaman dan individu dalam masyarakat secara bersama memilikinya tanpa banyak bantahan atau soal jawab. Banyak pengkaji terdahulu telah memberikan definisi atau pengertian adat yang disimpulkan sebagai cara hidup yang menjadi amalan masyarakat. Winstedt dan Josselin de Jong mengklasifikasikan adat kepada enam bahagian iaitu: (a) *Ancient custom* atau adat lama, (b) *Created Custom* atau adat yang diadatkan, (c) *Inherited Lore* atau tradisi yang diwarisi, (d) *Decisions of common accord* atau keputusan berasaskan muafakat, (e) *Ancient law that awaits ratification* atau undang-undang lama yang menunggu pengesahan dan (f) *Decisions to be reached by later deliberation* atau keputusan yang perlu dibincang dan diperhalusi lagi (Hooker, 1970:3).

Konsep ini tidak terbatas kepada orang Melayu yang beragama Islam sahaja. Menurut Zainal Kling (2004), di Indonesia pengertian adat lebih meluas dan mendalam semenjak zaman pemerintahan Belanda yang mengiktiraf adat sebagai bidang perundangan yang sah. Selain itu, menurut Hornby dan Parnwell (1972), adat juga merupakan perlakuan dan tingkah laku yang diterima oleh sesebuah masyarakat. Bagi Wan Abdul Kadir Wan Yusoff (2000:68), adat merupakan peraturan sosial yang mengandungi kod etika dan moral yang berlandaskan nilai-nilai sosial. Pandangan itu kemudiannya dijelaskan oleh Noriati A.Rashid (2007:22) yang mengungkapkan bahawa segala perlakuan anggota masyarakat harus menepati adat yang telah terdapat dalam amalan masyarakat tersebut. Sekiranya keadaan itu tidak berlaku maka individu yang bercanggah pandangan dan pendapat tentang segala adat akan tersingkir di dalam sesebuah adat. Jelas sekali adat yang diterima adalah adat yang telah mendapat persetujuan daripada

seluruh masyarakat di dalam komuniti itu.

Adat dalam masyarakat Melayu secara tradisi merupakan satu cara hidup (*way of life*) yang sentiasa menjadi pegangan turun-temurun sehingga menjadi hukum yang harus dipatuhi. Istilah adat ini dapat ditemui dalam karya Melayu klasik, Sejarah Melayu sebagaimana petikan berikut:

“Maka sembah Menteri Jana Putera: “Tuanku, akan adat kami Islam...”

(Muhammad Haji Salleh (ed.), 1997:8)

Istilah adat dalam frasa di atas merujuk kepada cara hidup iaitu kebudayaan. Kenyataan sebagaimana yang dijelaskan oleh Abdul Samad Ahmad (1990) bahawa kebudayaan mula dikenali oleh masyarakat umum di negara ini kira-kira awal tahun 1940an. Sebelum itu perkataan atau istilah yang terpakai dalam percakapan dan tulisan adalah adat dan adat istiadat.

Namun demikian, makna adat dalam kehidupan masyarakat Melayu sudah semakin khusus terutamanya sehingga yang melibatkan upacara perkahwinan, kelahiran dan adat istiadat sahaja. Kepelbagaian takrif yang dikemukakan oleh pelbagai masyarakat di Alam Melayu telah menyebabkan berlakunya evolusi terhadap maksud adat. Bagi masyarakat Melayu tradisional, konsep adat sering kali dimaksudkan dengan beberapa tahap yang berlainan. Adat yang hakiki merupakan adat alam yang tidak dapat diubah kerana ia merupakan hukum alam seperti ‘adat api membakar’, ‘adat air membasahi’, ‘muda pasti tua’. Semua ini telah ditetapkan oleh ketentuan Allah s.w.t sebagai pencipta alam ini. Bagi orang Melayu, adat yang hakiki ini sentiasa diperhatikan dan dijadikan iktibar dalam kehidupan sebagaimana pepatah Melayu ‘alam terkembang jadikan guru’. Masyarakat Melayu banyak meneliti dan mentafsirkan alam yang dihubungkaitkan dengan kehidupan.

Oleh itu, konsep adat boleh dikatakan keseluruhan corak hidup atau kebudayaan manusia di alam nyata dan juga menghubungkan manusia dengan alam kosmik yang simbolik dan sejagat. Adat menjadi ciri kehidupan, bukan sahaja manusia dalam lingkungan alam tabiinya, tetapi ia mencakupi semua makhluk seperti haiwan dan tumbuhan, malah ciri adat terdapat dalam pergerakan alam tabii seperti kejadian semula jadi, taufan dan petir serta segala-gala dalam kosmos mengikut adat alam. Maka boleh dikatakan bahawa hukum alam adalah adat.

Adat resam yang mencakupi segala perlakuan upacara juga dikenali sebagai adat istiadat. Adat dalam bentuk ini termasuklah bidang kepercayaan dan perlakuan agama serta juga magis. Dalam konteks ini berlaku pertindihan bidang antara adat istiadat dengan upacara, sekali gus menjadikan upacara tersebut sebahagian daripada konsep adat yang lebih luas. Perlakuan upacara atau lebih dikenali dengan adat resam merupakan kebiasaan dan kelaziman yang menjadi amalan meluas di kalangan anggota masyarakat dan merangkumi keseluruhan cara hidup orang Melayu. Adat istiadat pula merupakan peraturan dan penyusunan yang lebih formal yang berlaku dalam upacara rasmi seperti adat perkahwinan. Perlakuan adat ini sebenarnya merupakan komunikasi bukan lisan masyarakat Melayu untuk menzahirkan maksud hati mereka melalui upacara adat.

PERMASALAHAN KAJIAN

Tepak sirih merupakan perkara yang mesti ada dalam adat perkahwinan masyarakat Melayu. Kepala adat atau pendulu merupakan istilah yang digunakan oleh Syed Alwi Alhady (1962 & 1986) dan Amran Kasimin (2002). Jika tepak sirih tiada semasa adat meminang maka mereka yang mendukung adat itu dikatakan tidak tahu adat.

Penggunaan tepak sirih bagaimanapun tidak dijelaskan secara terperinci melainkan sebagaimana yang dinyatakan oleh dua pengkaji di atas. Cuma tulisan Sheppard (1972) ada menjelaskan perlakuan tepak sirih dalam adat meminang dan malam pertama pengantin. Komunikasi bukan lisan yang menjadi simbol untuk menyatakan maksud disebalik perlakuan adat dalam kedua-dua acara ini dijelaskan oleh Sheppard secara terperinci. Sehubungan itu kajian ini mengkaji bagaimana tepak sirih menjadi simbol dalam komunikasi bukan lisan untuk menjelaskan apa yang dimaksudkan dalam perlakuan adat meminang masyarakat Melayu.

Apa sebenarnya peranan yang dibawa oleh tepak sirih sehingga ia menjadi begitu penting dan utama dalam adat meminang? Bahan yang perlu ada di dalam sebuah tepak sirih ialah daun sirih, pinang, kapur, gambir, cengkih dan tembakau. Analisis mengapa sirih diletakkan di dalam tepak sirih yang berhias indah (dihias dengan kain velvet dan bertekad benang emas) akan dilakukan. Mengapa tidak sahaja diletakkan dalam bekas sirih biasa seperti cerana atau puan?

Komunikasi bukan lisan menggunakan simbol tepak sirih turut juga ditampilkan dalam ungkapan pantun peminangan yang tidak dizahirkan secara tetapi diungkapkan dengan kiasan sebagaimana pantun di bawah. Sirih tersusun dalam rangkap ketiga pantun membawa maksud sirih yang diletakkan di dalam tepak sirih.

*Orang Jawa turun ke dusun
Singgah sejenak di pinggir kota
Kami bawa **sirih tersusun**
Sudilah sepiak pembuka kata*

OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mengkaji peranan tepak sirih sebagai simbol komunikasi bukan lisan dalam adat meminang dan bertunang masyarakat Melayu;

KAJIAN LALU

Tepak sirih (gambar 1) merupakan alat yang digunakan untuk meletakkan sirih dan ramuan makan sirih. Pada awalnya tepak sirih mungkin terdiri daripada bakul-bakul kecil, pinggan dan sebagainya kerana apa yang dipentingkan adalah fungsinya. Tetapi perlahan-lahan tepak sirih mengalami perubahan daripada segi bentuk, fungsi, material dan estetika apabila kesenian dalam kalangan masyarakat pengamal makan sirih berkembang.



Gambar 1: Tepak sirih

Jasmani (1956) mendefinisikan tepak sirih ialah merupakan bekas khas untuk diletakkan sirih dan segala ramuannya yang diperbuat bertapak-kotak sama ada daripada bahan emas, tembaga atau kayu yang berukir.

Dalam adat bertunang masyarakat Melayu sirih diletakkan dalam tepak yang bertekad benang emas. Bersama-sama daun sirih pula disusun cembul (tempat menyimpan) pinang, kapur, cengkih, gambir dan tembakau. Sheppard (1972:166) perkataan meminang adalah berasal daripada perkataan pinang – buah pinang. Ulasan Sheppard adalah selari dengan pendapat A.Samad Ahmad (1996) sebagaimana yang terdapat dalam Sejarah Melayu - buah pinang mewakili sifat lelaki yang gagah dan berani sebagaimana sifat pokok pinang yang tinggi dan lurus. A.Samad Ahmad (1996) menjelaskan anak angkat kepada Raja Campa bernama Pau Gelang berasal daripada mayang pinang. Kemudiannya setelah kemangkatan baginda Pau Gelang ditabal menjadi Raja Campa. Dia menjadi seorang raja yang gagah dan berani.

Sheppard (1972:166) menyebut perkataan meminang yang bermaksud pertanyaan untuk berkahwin berasal daripada perkataan pinang (buah pinang). Adat meminang pula dimulakan dengan pihak lelaki yang menyampaikan pertanyaan kepada pihak perempuan. Sehubungan itu, pengkaji membuat kesimpulan adanya perkaitan atau kebersamaan kajian yang dilakukan oleh Sheppard (1972) dan kisah anak raja Campa berkaitan lelaki dan buah pinang. Berkemungkinan perkaitan 'kelahiran' anak raja Campa daripada mayang pinang dan pedang kerajaan Campa daripada seludang pinang yang lahir bersama anak Raja Campa diambil iktibar oleh masyarakat Melayu yang membuat perumpamaan pinang adalah cerminan atau simbol bagi lelaki Melayu pada ketika itu.

Sheppard (1972) turut menjelaskan antara barangan yang di bawa ke rumah keluarga perempuan dalam adat bertunang masyarakat Melayu di Kelantan, ialah gubahan daun sirih yang berbentuk burung bersama cincin pertunangan dan barangan hantaran iringan lainnya. Cincin pertunangan diletakkan di dalam bekas sirih yang berukir. Semasa majlis akad nikah pula, tepak sirih akan diletakkan bersebelahan Qadi. Namun Sheppard tidak menjelaskan

maksud tepak sirih semasa majlis akad nikah dilaksanakan. Begitu juga semasa majlis persandingan, tepak sirih yang biasanya diperbuat daripada perak akan diletakkan ditengah-tengah pelamin. Kajian Sheppard juga menjelaskan tepak sirih diletakkan di luar bilik (di tengah-tengah pintu bilik) pasangan pengantin pada malam pertama. Seandainya pada malam pertama, pengantin lelaki mendapati pengantin perempuan bukan gadis, keesokan harinya pengantin lelaki akan menterbalik tepak sirih berkenaan sebagai simbol pengantin perempuan tidak suci. Maksud ini disampaikan oleh pengantin lelaki melalui kedudukan tepak di depan pintu bilik pengantin.

KAEDAH KAJIAN

Data yang diperolehi melalui pemerhatian di lapangan. Lokasi kajian ialah di Kampung Seri Kedah, Sungai Leman Sekinchan Selangor. Temu bual mendalam bersama mak andam iaitu orang yang terlibat dalam adat perkahwinan dilakukan. Kajian telah dilakukan pada tahun 2010.

PENDEKATAN TEORI

Teori semiotik yang dikemukakan oleh Ferdinand de Saussure. Dalam teori ini semiotik di bahagi kepada dua iaitu petanda (signified) dan penanda (signifier). Penanda sebagai bentuk/objek yang dapat dilihat sebagai makna yang terungkap melalui konsep, fungsi dan/atau nilai-nilai yang terkandung di dalam teks. Pendekatan menggunakan analisis semiotik kerana sirih yang digunakan dalam pelakuan adat dilihat sebagai satu kesatuan secara menyeluruh bukan terpisah. Pendekatan kajian teks ialah mengkaji sirih dan bahan sampingan yang digunakan serta tingkah laku semasa sesuatu acara dilaksanakan sebagai satu sistem tanda menyampaikan makna yang berkaitan. Ini sebagaimana yang dijelaskan oleh Ferdinand de Saussure (1915/1966):

Language is a system of signs that express ideas, and is therefore comparable to a system of writing, the alphabet of deaf-mutes, symbolic rites, polite formulas, military signals, etc. But it is the most important of all these systems.


A science that studies the life of signs within society is conceivable; it would be a part of social psychology and consequently of general psychology; I shall call it semiology (from Greek *semeion* "sign").

Dalam analisis semiotik, pemisahan sewenang-wenangnya dan sementara tidak boleh dilakukan antara kandungan dan bentuk kerana ia akan merosakkan makna yang dibawa pada tanda-tanda yang membentuk teks. Oleh itu, tepak sirih dalam adat meminang dan bertunang, tidak dilihat sebagai tepak sirih dan orang pergi meminang tetapi sebaliknya sebagai satu sistem tanda menyampaikan makna yang berkaitan dengan perkara-perkara seperti tujuan dan status.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kajian lapangan mendapati dalam tepak sirih semasa adat meminang diletakkan bahan-bahan iaitu sirih, pinang, kapur, cengkih, gambir dan tembakau. Tepak sirih yang digunakan mesti tepak sirih bertekad benang emas dan kebiasannya berwarna merah. Menurut informen, tepak sirih bertekad benang emas digunakan sebagai komunikasi bukan lisan maksud sebuah rumah yang dihias indah. Tepak sirih yang dibawa oleh wakil lelaki ke rumah perempuan sebagai komunikasi bukan lisan simbolik pertanyaan untuk meminang mengambil daripada kata asal pokok ‘pinang’. Tepak sirih pula melambangkan ‘rumah’ yang telah disediakan oleh wakil lelaki untuk dihuni oleh wanita yang dipinang. Sekiranya peminangan ini diterima, tepak tersebut akan diserahkan kepada wakil wanita. Komunikasi tanpa lisan tepak sirih disorong oleh wakil lelaki semasa adat meminang dan ianya tidak diangkat sebagai salah satu tertib dalam pelakuan adat. Simbolik daripada pelakuan ini ialah, sesuatu pekerjaan itu perlu dibuat dengan berhati-hati dan penuh tertib yang menunjukkan kesantunan masyarakat Melayu yang kaya dengan budi bahasa.

Manakala cembul yang terdapat di dalam tepak sirih pula membawa makna komunikasi bukan lisan kehidupan yang akan dilalui oleh pasangan tersebut selepas mendirikan rumah tangga yang pelbagai ragam. Ia digambarkan dengan rasa pinang, kapur, gambir, tembakau dan daun sirih sendiri yang mempunyai pelbagai rasa. Dapatan daripada kajian lapangan adalah sama seperti yang dijelaskan oleh Noriah Mohamed (2009) berkaitan perlambangan cembul dan juga kehidupan bersuami isteri. Keratan rentas tepak sirih sebagaimana di gambarajah satu (1) di bawah menggambarkan secara simboliknya keratan rentas ‘sebuah rumah’ yang telah disediakan dengan pelbagai kemudahan yang diwakili oleh bahan-bahan di dalam tepak sirih.



Gambarajah 1: Keratan rentas cembul di dalam tepak sirih semasa adat meminang masyarakat Melayu di kawasan kajian



Gambar 2: susunan bahan-bahan di dalam tepak sirih.

Tepak juga membawa makna bahawa jika wanita bersetuju menerima pinangan lelaki, wanita tersebut juga mesti bersedia menerima segala cabaran yang bakal dihadapi dalam frasa kehidupan seterusnya. Bahan-bahan di dalam tepak yang diletakkan di dalam bekas kecil dinamakan cembul mempunyai pelbagai rasa seperti kapur yang mempunyai rasa pedas dan panas, gambir dan tembakau yang mempunyai rasa kelat dan cengkik yang mempunyai rasa segar. Daun sirih di dalam tepak mewakili wanita yang sentiasa dijaga maruahnya kerana ia diletakkan di dalam tepak yang bertutup. Daun sirih melambangkan wanita sebagaimana kehidupan pokok sirih yang tidak boleh hidup di kawasan terbuka dan perlu mempunyai sokongan untuk hidup. Daun sirih untuk adat meminang tidak boleh menggunakan daun sirih bertemu urat kerana daun sirih bertemu urat hanya digunakan untuk tujuan perubatan.

Namun sekiranya peminangan itu tidak diterima oleh pihak perempuan komunikasi bukan lisan juga akan berlaku. Simbol daripada komunikasi bukan lisan ini ialah tepak sirih yang di bawa oleh pihak lelaki akan diterbalikkan oleh pihak perempuan dengan penuh tertib tanpa sebarang komunikasi lisan berlaku. Daripada perbuatan ini wakil lelaki faham akan maksud yang disampaikan oleh keluarga perempuan dan mereka perlu mencari jodoh yang lain.

KESIMPULAN

Tepak sirih merupakan simbol komunikasi bukan lisan dalam adat perkahwinan Melayu terutama sekali dalam adat meminang. Peringkat adat meminang merupakan satu peringkat untuk mendapatkan kepastian samaada 'permintaan' daripada pihak lelaki diterima oleh pihak perempuan. Adunan komunikasi lisan dan bukan lisan dengan menggunakan tepak sirih sebagai simbol (signifier) sangat harmoni dan tertib dilakukan. Kajian ini menunjukkan bahawa setiap budaya yang dicipta oleh masyarakat sebenarnya bagi menunjukkan ketinggian budi dan akal masyarakat penciptanya dengan cara yang paling harmoni dan simbolik.

PENGHARGAAN

Makalah ini adalah dari kertas kerja dengan tajuk yang sama telah dibentangkan di Persidangan Antarabangsa MENTION13 di bawah tema 'Media and Communication Transformation: Synergizing Communities, Government and Industries' pada 26–28 November 2013 di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor

BIODATA PENULIS

Norhuda Salleh adalah pensyarah di Fakulti Kemanusiaan, Sastera dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah. Bidang pengajaran beliau adalah penulisan berita dan budaya Melayu.

RUJUKAN

- A.Hassan dkk. (1972). *Soal Jawab Berbagai Masalah Agama*. Bandung: Diponegoro.
- A.Samad Ahmad. (Ed.). (1996). *Sulalatus Salatin Sejarah Melayu* (Pelajar.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Abdul Samad Ahmad. (1990). *Kesenian adat, kepercayaan dan petua* (p. 136). Melaka: Associated Educational Distributors (M).
- Alwi Alhady. (1986). *Adat resam dan adat istiadat Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Amran Kasimin. (2002). *Perkahwinan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hooker, M. B. (1970). *Readings in Malay adat laws*. Singapura: Singapore University Press.
- Hornby, A. S., & Parnwell, E. C. (1972). *The Progressive English Dictionary*. London: Oxford University.
- Jasmani. (1956, May). Tepak Sireh. *Mastika*, 30.
- Knapp, M. L. (2006). *Nonverbal Communication in Human Interaction* (7th ed.). Belmont, CA: Wadsworth/Thomson Learning,.
- Linton, R. (1976). *The Study of Man*. New York: Appleton Century Croft.
- Matsumoto, D., G.Frank, M., & Hyi Sung Hwang. (2011). Reading People: Introductin to the World of Nonverbal Behaviour. In D. Matsumoto, M. G.Frank, & .. Hyi Sun Hwang (Eds.), *Non Verbal Communication : Science and Application* (pp. 3–14). Los Angeles: Sage Publication.
- Muhammad Haji Salleh. (Ed.). (1997). *Sulalat al-Salatin Ya'ni Perteturan segala Raja-raja (Sejarah Melayu Tun Sri Lanang)* (p. 81). Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Mohamed. (2009). *Benang Sari Melayu-Jawa*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noriati A.Rashid. (2007). *Kesantunan Orang Melayu Dalam Majlis Pertunangan* (Edisi Kedu., p. xxi, 564 leaves). Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Sheppard, M. (1972). *Taman Indera : Malay Decorative and Pastimes. Taman Indera: Malay Decorative Arts and Pastimes* (illustrate., pp. 164–170). Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Syed Alwi Alhady. (1962). *Malay Customs and traditions*. New York: AMS Press.
- Tamar Djaja. (1980). *Tuntutan Perkahwinan dan Rumahtangga Islam*. Bandung: PT. Alma'arif.
- Wan Abdul Kadir Wan Yusoff. (2000). *Tradisi dan Perubahan Norma dan Nilai di Kalangan Orang Melayu*. Kuala Lumpur: Masfami Enterprise.
- Zainal Kling. (2004). Adat Bersendi Syarak, Syarak Bersendi Kitabullah-Ajaran Tamadun Melayu. In .Hanipah Hussin & Abdul Latif Abu Bakar. (Ed.), *Kepimpinan Adat Melayu Serumpun* (pp. 13–32). Institut Seni

Malaysia Melaka & Biro Sosiobudaya Dunia Melayu Dunia Islam.